

19/06/2000

Perbadanan Air Melaka dikorporat

MELAKA, Ahad - Kerajaan Negeri sedang berusaha melaksanakan pengkorporatan Perbadanan Air Melaka (Pam) sebelum Disember ini, kata Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam.

Katanya, ini selaras persetujuan yang diberikan Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Pam sebuah badan korporat iaitu penswastaaan yang 100 peratus ekuiti dimiliki kerajaan.

"Saya yakin semua pegawai dan kakitangan tentu gembira di atas faedah yang akan dinikmati apabila Pam dikorporatkan," katanya.

Bagaimanapun, tegasnya, faedah pengkorporatan ini harus dilimpahkan kepada masyarakat dengan dipastikan mereka mendapat mutu perkhidmatan lebih baik.

Katanya, ini selaras inisiatif pihak pengurusan Pam memulakan program untuk mencapai sijil MS ISO9002 sejak 1998 untuk diperolehi akhir tahun ini.

Serentak itu, Mohd Ali mahu Pam mengelakkan gangguan bekalan ke hotel, tempat peranginan dan kawasan tumpuan pelancong selaras usaha kerajaan negeri menarik kunjungan lebih ramai pelancong.

"Jika boleh Pam turut menggalakkan organisasi yang berkaitan air, mengadakan persidangan atau mesyuarat di negeri ini bagi menolong mempromosikan Melaka," katanya pada majlis Anugerah dan Kenangan Perbadanan Air Melaka (Pam) di Ayer Keroh dekat sini, malam tadi.

Turut hadir, Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin; Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Durian Tunggal, Abdul Kadir Daud, Timbalan Pengerusi Pam, Hasnoor Husin serta Pengurus Besar Pam, Abdul Rahim Shamsudin.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri sudah meminta Kerajaan Persekutuan membantu pembinaan Empangan Jus di Selandar bernilai RM500 juta bagi mengatasi kekurangan air yang dijangka dialami pada 2002.

"Rayuan kerajaan negeri itu dalam pertimbangan Kerajaan Persekutuan dan mudah-mudahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, akan membantu Melaka.

"Jawapan mungkin diterima tidak lama lagi," katanya.

Mohd Ali berkata, pembinaan Empangan Jus membabitkan kos yang tinggi dan akan memberi kesan kepada kadar tarif yang sekian lama tidak dinaikkan.

Katanya, keuntungan Pam adalah kira-kira RM6 juta setahun dan tidak akan cukup untuk membayar pinjaman RM500 juta bagi pembiayaan projek berkenaan.

Bagaimanapun, tegasnya, Pam sedang berusaha sedaya upaya bagi memastikan projek itu dapat dilaksanakan mengikut jadual.

"Sekiranya projek ini tertangguh, akan menjejaskan bekalan air kepada pengguna di seluruh Melaka," katanya.

Pada majlis itu, Mohd Ali menyampaikan cenderamata kepada Abu Zahar sebagai bekas Pengerusi Pam.

Turut menerima cenderamata ialah Amid sebagai bekas Timbalan Pengerusi Pam serta dua bekas ahli lembaga pengarah iaitu Kadir serta Ghazali Mohamed.

Mohd Ali juga menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 11 kakitangan Pam bagi kategori melintang serta 16 bagi kategori menegak.

Penerima anugerah kategori melintang ialah Zabedah Othman, A Anbananthan, Abdul Azis Ujang, Shahepolbari Sharif, Rafie Ramli, Sabtu Muid, Lee See Ding, Khamis Bachik, Mansor Mamat, Dali Abdullah serta Aniza

Joned.

Penerima anugerah kategori menegak pula ialah Rahamah Hassan, Ibrahim Abu, Rosli Abu, Mohd Haris Idris, Mohamad Arop Sudin, Zulkipli Puteh, Mohd Hamid, Albert Julina Marsh, Teoh Swee Guan, Yaakob Bidin, Zakariah Abdullah, Abu Hassan Othamn, Hamdan Abu Samah, Torio Bujang serta Ahmad Misbah Md Jan.

(END)